

KNOWFUL FILM COATED TABLET

Piracetam (800mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan KNOWFUL TABLET
2. Bagaimana KNOWFUL TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan KNOWFUL TABLET
4. Cara menggunakan KNOWFUL TABLET
5. Semasa menggunakan KNOWFUL TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan KNOWFUL TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan KNOWFUL TABLET

KNOWFUL TABLET digunakan oleh warga emas yang menderita hilang ingatan, vertigo (merasakan sensasi berputar), kurang tumpuan atau kecerdasan, perubahan mood, kemerosotan dalam tingkah laku dan berlaku kecuaian.

Ia juga digunakan untuk rawatan koma termasuk kekurangan kognitif akibat daripada kecederaan kepala, sama ada ia dikaitkan dengan *vertigo* atau tidak.

Bagaimana KNOWFUL TABLET berfungsi

KNOWFUL TABLET mengandungi piracetam sebagai bahan aktif. Ia bertindak terhadap otak dan sistem saraf dan ia dianggap dapat menghalang daripada berlakunya kekurangan oksigen.

Sebelum menggunakan KNOWFUL TABLET

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan KNOWFUL TABLET jika:

- anda alahan terhadap bahan aktif piracetam
- anda alahan terhadap mana-mana kandungan KNOWFUL TABLET yang disenaraikan di hujung risalah ini.
- anda pernah mengalami masalah buah pinggang yang teruk.

-Sebelum menggunakan KNOWFUL TABLET

Rujuk dengan doktor anda sebelum menggunakan KNOWFUL TABLET jika anda:

- mempunyai masalah buah pinggang
- mengandung atau menyusukan anak.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmai, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat apabila diambil bersama dengan KNOWFUL TABLET akan menyebabkan interaksi sesama sendiri. Ini termasuk:

-Ekstrak *thyroid* atau *thyroxine*.

Senarai ini tidak lengkap dengan langkah berhati-hati pengambilan ubat, sila rujuk doktor anda atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut.

Cara menggunakan KNOWFUL TABLET

-Berapa banyak harus digunakan

Dos yang disyorkan untuk KNOWFUL TABLET adalah dua kali sehari dalam 3 atau dos yang berasingan.

Kemalangan serebrovascular: 12g sehari selama 4 minggu, selepas itu 4.8g sehari sekurang-kurangnya 12 minggu. Untuk rawatan, 800g 3 kali sehari. Terapi untuk tempoh panjang untuk sindrom psychoorganik dalam kalangan orang tua ialah 1.2g- 2.4g sehari

Defisit kognitif daripada kecederaan kepala: 9 hingga 12g sehari untuk dos awal dan 2.4g sehari sekurang-kurangnya 3 minggu untuk rawatan.

Ikut semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor anda atau ahli farmasi dengan berhati-hati. Ianya mungkin berbeza dengan informasi yang terdapat di dalam risalah ini. Jika anda tidak faham tentang arahan yang terdapat di label, dapatkan bantuan daripada doktor anda atau ahli farmasi.

-Bila perlu digunakan

KNOWFUL TABLET perlu diambil secara oral setiap hari.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan KNOWFUL TABLET selagi diarahkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah

beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital yang terdekat dengan anda, jika anda merasakan anda tahu sesiapa mungkin mengambil ubat ini berlebihan. Lakukan ini walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan KNOWFUL TABLET

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil ubat ini atau mengubah dos yang sedang diambil tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan mengendalikan jentera Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana KETO TABLET memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, KNOWFUL TABLET boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jangan cemas dengan senarai kesan sampingan yang mungkin berlaku. Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi secepat yang mungkin jika anda merasa tidak sihat semasa penggunaan KNOWFUL TABLET.

Antara kesan-kesan sampingan yang dilaporkan termasuk gemuruh, agitasi, keresahan, dan gangguan tidur. Sesetengah pesakit akan mengadu keletihan atau mengantuk.

Masalah perut atau usus seperti loya, muntah, cirit-birit dan sakit perut juga pernah dilaporkan. Simptom lain seperti *vertigo* (merasakan sensasi berputar), sakit kepala, menggeletar dan stimulasi seksual juga pernah dilaporkan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mendapati apa-apa selain yang dinyatakan membuatkan anda merasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan di atas mungkin berlaku kepada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan KNOWFUL TABLET

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

KNOWFUL TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet berbentuk panjang berwarna jingga dengan skor pada satu permukaannya.

-Bahan-Bahan kandungan

-Bahan aktif

Piracetam

-Bahan tidak aktif

Cellulose

Sodium Starch Glycolate

Magnesium Aluminium Silicate

Magnesium Stearate

Talc

Dimethicone

Polyethylene Glycol

Sunset Yellow Lake

Titanium Dioxide

-Nombor MAL

MAL20033486AZ

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

16/6/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)160616/00130